

01/08/2002

Lukisan lambang kemesraan

LUKISAN minyak bertajuk Ke Arah Kesaksamaan Global yang digunakan sebagai latar belakang penerbitan Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) melambangkan kemesraan dan kerjasama ikhlas yang wujud di kalangan peserta dialog itu.

Lukisan hasil karya artis kontemporari dari Kenya, Sachin Shah, memaparkan sfera berwarna biru yang menggambarkan bumi, cahaya biru dan putih memancar di sekeliling serta latar belakang hitam yang menggambarkan angkasa lepas.

Ketua Eksekutif Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), Datuk Dr Mihaela Y Smith, berkata cahaya yang memancar di sekeliling sfera itu melambangkan usaha dan harapan rakan dialog untuk mewujudkan dunia yang lebih baik.

Beliau yang juga ahli Kumpulan Eksekutif Bersama (JEG) dialog itu berkata, mesej di sebalik lukisan itu amat bertepatan dengan tema dialog kali ini iaitu Ke Arah Dunia Lebih Pintar - Mempertingkatkan Keselamatan dan Kemakmuran Untuk Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar.

"Kemesraan adalah keunikan dialog ini," katanya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Beliau juga menyarankan wartawan supaya turut memakai pakaian berwarna biru bagi menghidupkan suasana kemesraan itu.

Lukisan itu akan dihadiahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sebagai mengenang jasa beliau mengilham dan menjayakan dialog perkongsian pintar itu pada majlis perasmian esok.

Di belakang lukisan itu dilekatkan gambar Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berduet menyampaikan lagu pada majlis LID 1999.